

# Anwar jalani pemeriksaan berkala di Hospital Serdang, kesihatan memberangsangkan

**PETALING JAYA:** Kesihatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berada pada tahap memberangsangkan dan membolehkannya meneruskan semua tugas rasmi.

Pengarah Hospital Sultan Idris Shah Serdang, Dr. Farique Rizal Abdul Hamid berkata, Perdana Menteri telah menjalani pemeriksaan kesihatan berkala di sini semalam.

"Pemeriksaan ini juga mencerminkan komitmen berterusan Perdana Menteri dalam memastikan tahap kecergasan dan kesejahteraan diri sentiasa terpelihara. Ia demi menjamin keupayaan beliau memimpin negara dan menunaikan amanah kepada rakyat dengan penuh kesungguhan dan dedikasi," katanya dalam kenyataan semalam.



ANWAR Ibrahim (empat dari kiri) menjalani pemeriksaan kesihatan berkala di Hospital Sultan Idris Shah Serdang. semalam.

Dalam pada itu, Anwar merakamkan penghargaan kepada pasukan perubatan terlibat.

"Alhamdulillah. Terima kasih kepada seluruh pasukan perubatan dan warga Hospital

Sultan Idris Shah, Serdang," katanya dalam hantaran Facebook.